



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**19 Januari 2021
06 Jamadilakhir 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Berjaya selepas tinggal kerjaya
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Ikan laga bukan lagi jaguh kampong • Nelayan hilang, seorang lagi terselamat bot dinaiki karam
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		16 19/11/2021

Bersama MERAK JALANAN

SH m/s 16 19/11/2021

SEJAK lagi memang Merak Jalanan sudah biasa hidup di kampung dan melakukan pelbagai aktiviti yang menyeronokkan. Bukan macam budak-budak di bandar.

Di kampung antara aktiviti yang paling menyeronokkan ialah mandi manda dan menangkap ikan di tali air. Tetapi paling popular pada waktu itu ialah menangkap ikan laga.

Sampai sekarang pun sebenarnya masih ada budak-budak kampung yang tangkap ikan laga.

Uniknya sekarang, orang dah tak panggil ikan laga lagi. Ikan laga sudah naik taraf kehadupannya. Macam pemimpuan, kalau di kampung kita panggil 'Minah' tetapi apabila datang ke bandar namanya sudah bertukar jadi 'Sally'.

Ikan laga sekarang kita panggil betta fish. Disebutkan taraf hidup ikan itu sudah meningkat, gaya hidupnya turut berubah. Harganya juga boleh tahan dan mencecah RM1,000 seekor.

Patutlah Disember lalu, tiga lelaki

ditahan polis kerana dipercayai terlibat dalam kes mencuri beberapa ekor ikan laga yang dianggarkan bernilai RM1500 di sebuah rumah di Kedah. Dulu tiada siapa paudang pun ikan laga.

Sekarang, daun pokok ketapang yang tidak pernah ada nilai pun sudah jadi duit khabarnya. Daun ini penting untuk ikan laga.

Merak Jalanan pernah bela beberapa ekor ikan tetapi banyak juga dah mati. Susah juga nak jaga sebenarnya. Tetapi Merak Jalanan tumpang gembira

ra sebab ikan laga ini dah jadi sumber pendapatan ramai orang.

Khabarnya, ada yang dapat penjapatan sehingga RM18,000 sebulan tapi mungkin ada yang dapat lebih daripada itu. Diharap orang kita dapat belajar bersanggut-sungguh incognit bidang ini supaya ikan laga dapat permintaan tinggi di seluruh dunia.

Senang cerita, budi sampai jadi. Jangan sekadar jadi jaguh kampung sendiri. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangku lengan.

Ikan laga bukan lagi jaguh kampung

Ikan laga bukan lagi jaguh kampung

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		19 19/11/2021

SH MIS 19 19/11/2021

Nelayan hilang, seorang lagi terselamat bot dinaiki karam

KOTA KINABALU - Seorang nelayan hilang manakala seorang lagi terselamat selepas bot yang mereka naiki karam dalam kejadian di perairan Kuala Abai, Kota Belud pada pagi Isnin.

Dalam kejadian kira-kira jam 6 pagi itu, kedua-dua nelayan terbabit difahamkan menaiki bot jenis gentian kaca, namun cuaca yang buruk dipercayai menyebabkan bot terbalik dan karam.

Pengarah Agensi Pengatuanas Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Sabah dan Labuan, Laksamana Pertama Maritim Datuk Mohd Rosli Abdullah berkata, Pusat Penyelaras Mencari dan Menyelamat Maritim (MRSC) Kota Kinabalu telah mengaktifkan operasi mencari dan menyelamat (SAR) jam 12 tengah hari.

"Maklumat diterima dari Pengkalan Hadapan Operasi National Task Force (NTF) Teluk Usukan bahawa bot yang dinaiki dua nelayan karam.

"Seorang mangsa di-



laporkan selamat, bagaimanapun butiran mangsa masih belum diketahui," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mengulas lanjut mengenai kejadian itu, Mohd Rosli berkata, kejadian terbaru itu adalah yang ketiga dalam tempoh kurang daripada seminggu akibat keadaan cuaca yang buruk di negeri ini.

"Rekod bagi Januari tahun ini, MRSC Kota Kinabalu telah mengaktifkan enam operasi SAR meliputi tiga di perairan Sandakan dan satu masing-masing di perairan Karambunai dan Semporna.

"Terdapat mangsa yang masih belum ditemui seperti kes yang berlaku di Sandakan dan operasi masih dijalankan bagi mengesan serta mencari mangsa yang hilang.

"Keadaan cuaca yang buruk ini turut menyukarkan usaha mencari dan kebanyakannya kejadian bot karam adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk serta laut yang bergelora," katanya.

MOHD ROSLI ABDULLAH
 LAGI BOT KARAM

JENIS AKHBAR					MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO /	THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	✓ NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		39	19/1/2021

NEUTRAL

NEUTRAL

HARIAN METRO

SELASA 19 JANUARI 2021

WM | 39

BERJAYA SELEPAS TINGGAL KERJAYA

Wanita ambil risiko besar selepas berhenti kerja dari syarikat gergasi kini mampu tersenyum lebar



Dalam tempoh itu pelbagai ujian yang dihadapi termasuk rumah pernah dipecah masuk dan paling tidak boleh dilupakan saya pernah dihina kerana tidak miliki harta sehingga dimasukkan ke hospital apabila mengalami tekanan perasaan

NORAINI

Oleh Muhamad Razis Ismail
razis@hmetro.com.my

Biar pun sudah memiliki pekerjaan yang baik di dua syarikat besar, seorang wanita sanggup mengambil risiko untuk mencabar bidang perniagaan.

Dua sebab utama, Noraini Nordin, 38, berbau demikian laju mahu merealisasikan impian suami untuk berjaya dalam perniagaan dan mempunyai masa menjaga dua anak yang masih kecil.

Keputusan yang dibuat sembilan tahun itu membawa hasil, apabila

perniagaan makanan sejuk beku iaitu bebol ikan dan kok ikan di Tangkak, Johor kian dikenali ramai.

Noraini berkata, pada mulanya niat untuk berniaga hanya untuk membantu suami. Salthin Abdullah, 42, yang mempunyai impian memiliki perniagaan sendiri.

Katanya, biarpun suami sudah memiliki pekerjaan sebagai pengurus di sebuah syarikat besar, dia mencuba pelbagai jenis perniagaan tetapi tidak berjaya.

"Jadi sebagai seorang isteri saya tanamkan niat

untuk merealisasikan impian suami walaupun saya juga mempunyai pekerjaan sebagai eksekutif di sebuah syarikat besar.

"Pada masa sama, saya didorong untuk menggunakan lebih masa dengan anak yang masih kecil kerana sebelum ini sering dihina ke rumah pengasuh," katanya perkataan baru-baru ini.

Menurutnya, pada awal pembabitannya dalam perniagaan, dia berdepan pelbagai cabaran kerana tidak memiliki pengalaman dalam bidang itu.

"Tambahan pula, pada ketika saya perlu menjaga dua anak yang masih kecil kerana tinggal berlauhan dengan suami yang hanya dapat pulang pada hujung minggu disebabkan tunutan kerja."

"Dalam tempoh itu pelbagai ujian yang dihadapi termasuk rumah pernah dipecah masuk dan paling tidak boleh dilupakan saya pernah dihina kerana tidak miliki harta sehingga dimasukkan ke hospital apabila mengalami tekanan berasarn."

"Bagaimanapun dengan sokongan dari keluarga termasuk ibu dan suami membuatkan saya terus kuat untuk lakukannya baik dalam bidang perniagaan," katanya.

Kini, berkat kesabarannya

dan kegigihannya berdepan pelbagai cabaran, beliau boleh berbangga dengan usahanya sendiri apabila produk Aini Pinky Food dikenali ramai.

"Bermula bekerja sendiri di rumah, kini saya memiliki sembilan pekerja sepuh masa terdiri daripada penduduk setempat dengan menyewa lot kedai dengan jualan mencapai puluhan ribu sebulan."

"Lebih mengembangkan, pada awal tahun lalu, suami buat keputusan untuk bersama-sama mengembangkan perniagaan ini," katanya.

Ditanya perancangan masa hadapan, Noraini menatapkan beberapa sasaran untuk dicapai pada tahun ini antaranya memperoleh pensiilan halal bagi semua produk keluarannya.

"Selain itu saya mahu membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai penduduk setempat, berkongsi rezeki dengan memiliki agen dan stokis di seluruh Malaysia."

"Di masa hadapan, saya berharap memiliki sebuah kilang yang menuju ke arah revolusi industri 4.0 dan dapat memasarkan produk ke luar negara," katanya.